

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA** : **Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL  
TOYAD ABDULLAH**  
**(MUKAH)**

**PERTANYAAN** : **LISAN**

**TARIKH** : **07.04.2014**

**Y.B. DATO SRI DR. MUHAMMAD LEO MICHAEL TOYAD ABDULLAH [  
MUKAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa unit telah di  
rancangkan untuk kawasan Mukah dalam peruntukan Rumah Mesra Rakyat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat Perumahan Negara  
Berhad (SPNB), sebuah Syarikat Milik Penuh Kerajaan melalui Menteri  
Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ditubuhkan semenjak Ogos 1997,

bertanggungjawab menyediakan rumah mampu milik berkualiti kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Program Rumah Mampu Milik (RMR) yang dilaksanakan oleh SPNB merangkumi jenis rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan kos sederhana dengan nisbah ditetapkan sejajar dengan polisi setiap kerajaan negeri. Rumah - rumah ini dijual pada harga serendah RM42,000 hingga maksimum RM250,000 dan harga rumah sebeginilah yang mendapat tempat di hati rakyat Malaysia khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah hingga sederhana.

Mengikut statistitik pada tahun 2005 hingga 2014, SPNB telah menerima 2,869 permohonan dari negeri Sarawak manakala bagi Parlimen Mukah 268 permohonan telah diterima dan kesemuanya telah melalui proses saringan dan penilaian. 129 pemohonan telahpun diluluskan sepanjang tempoh tersebut dan 85 unit daripadanya telahpun disiapkan, 6 unit masih dalam pembinaan dan selebihnya masih diperingkat saringan Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak (HDC).

Bagi pembangunan Rumah Mesra Rakyat (RMR) di Sarawak, SPNB berkerjasama dengan Kerajaan Negeri Sarawak melalui anak syarikatnya iaitu HDC dalam merancang dan melaksanakan pembangunan Program RMR di Sarawak. Kerjasama ini dapat melicinkan proses-proses permohonan dan pembinaan di Sarawak.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH  
[ LIMBANG ]**

**TARIKH : 7 APRIL 2014 (ISNIN)**

**SOALAN : 54**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [ Limbang ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan dapatkah Kementerian mewujudkan penerbangan secara terus dari Kuching ke Limbang dua kali seminggu iaitu pada awal dan hujung minggu.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,laluan Kuching ke Limbang bukan sebahagian dari senarai laluan yang diluluskan di bawah Perjanjian Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS). Namun begitu, syarikat MASwings ada menyediakan perkhidmatan daripada Limbang ke Kuching menerusi Miri sebanyak 3 kali sehari atau 21 kali seminggu . Kekerapan 3 kali sehari ini secara tidak langsung memberi banyak pilihan kepada para penumpang untuk memilih hari dan masa yang sesuai untuk merancang perjalanan mereka.

Berhubung mewujudkan penerbangan terus dari Kuching ke Limbang, Kementerian akan memohon kepada syarikat-syarikat penerbangan untuk menimbang cadangan bagi mengadakan perkhidmatan di antara kedua-dua laluan tersebut.

Walau bagaimanapun, cadangan untuk menyediakan penerbangan ke mana-mana destinasi adalah ditentukan oleh syarikat-syarikat penerbangan berdasarkan viabiliti komersial destinasi tersebut.